

DARI JOHOR

50 kubur 'ghaib' akibat hakisan

Penduduk mahu pihak berkenaan bina benteng lebih tinggi agar risiko tanah runtuh dapat dikurangkan

PONTIAN - Tanah Perkuburan Rimba Terjun terus berisiko ditelan bumi berikutan hakisan tanah yang semakin serius berlaku setiap kali air pasang sejak empat tahun lalu.

Penduduk, Abdul Kamal Suboh, 66, berkata, akibat kejadian itu juga, hampir 50 kubur di tanah perkuburan berkenaan 'hilang'.

Menurutnya, masalah hakisan semakin kritikal walaupun benteng batu-bata telah dibina di kawasan berkenaan.

"Kalau tidak silap banyak kubur yang rosak sebab kedudukannya berhampiran dengan kawasan tali air yang berdekatan dengan laut.

"Hakisan di tanah perkuburan ini sudah lama ber-

laku dan kami amat bimbang sesuatu yang buruk terjadi," katanya.

Abdul Kamal berkata, masalah tersebut sudah diadukan kepada pihak berkaitan namun sehingga kini benteng batu tersebut masih belum ditinggikan dan hanya kubur lama yang retak dibaiki.

Tambahnya, melihat hakisan semakin teruk, penduduk membina benteng baharu dengan menggunakan bahan binaan terbiar yang ditinggalkan berhampiran kawasan perkuburan.

"Kita sangat berharap pihak bertanggungjawab datang ke sini dan tengok sendiri masalah berkenaan," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Sementara itu, Mohd Ali

Jahor, 53, pula mencadangkan supaya pihak berkaitan membina benteng lebih tinggi bagi mengelak hakisan tanah berlaku.

Katanya, langkah itu mungkin dapat mengurangkan risiko tanah runtuh yang boleh menyebabkan kawasan perkuburan semakin sempit.

"Kita bimbang makin banyak tanah yang runtuh, dan air pasang akan melimpah ke kawasan tanah perkuburan. Kalau berdiri di tepi benteng, kita boleh lihat makin banyak tanah yang runtuh dan mendap di dalam tali air," katanya.

Justeru itu, Mohd Ali berharap supaya pihak berkaitan mengambil langkah-langkah pengawalan dan pemantauan bagi memastikan tiada lagi kubur yang hilang di situ.



Penduduk menunjukkan keadaan kubur 'hilang' akibat hakisan yang berlaku